

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PDP 470 Pengantar Ilmu Pendidikan

Masa : [3 jam]

-----  
Jawab EMPAT soalan, DUA daripada Bahagian A dan DUA daripada Bahagian B. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A (Jawap dua soalan)

1. "Kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab guru adalah penting dalam melahirkan guru yang dedikasi dan berhemah tinggi". Bincangkan peranan dan tanggungjawab guru ke arah pencapaian matlamat tersebut.
2. Mengapakah pengetahuan tentang aspek-aspek falsafah, psikologi dan sosiologi pendidikan penting untuk guru? Beri contoh-contoh yang kukuh bagaimana pengetahuan dalam bidang-bidang ini boleh membantu tugas guru.
3. Beri huraian ringkas mengenai tiap-tiap perkara-perkara berikut:
  - a. Profesionalisme guru
  - b. Akauntabiliti guru
  - c. Hubungan guru-murid.

BAHAGIAN B (Jawap dua soalan)

4. (a) Terangkan fahaman anda mengenai teori-teori (a) Pelaziman Klasik dan (b) Pelaziman Operan dengan merujuk kepada eksperimen-eksperimen berkaitan dengannya.  
(b) Terangkan bagaimana pelaziman-pelaziman ini boleh digunakan di bilik darjah untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran/pembelajaran.
5. (a) Terangkan jenis-jenis ingatan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.  
(b) Apakah implikasinya kepada penggunaan alat-alat bantuan dalam pengajaran?

...2/-

- 2 -

6. (a) Berikan suatu penghuraian ringkas mengenai bagaimana berlakunya kelupaan.
- (b) Sebagai seorang guru di bilik darjah apakah langkah-langkah yang anda boleh ambil untuk mengekalkan ingatan murid?
7. (a) Penanggapan ialah suatu aktiviti kognitif yang penting dalam pembelajaran. Sila terangkan faktor-faktor yang mempengaruhinya mengikut teori-teori Gestalt.
- (b) Apakah ide-ide baru yang kita dapati mengenai pembelajaran/pengajaran daripada teori penanggapan Gestalt?

- oooOooo -